



ORANG ramai tidak melepaskan peluang hadir memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Lebih 100,000 banjiri Dataran Merdeka

(1 SEPTEMBER 2022) UM, p11

KUALA LUMPUR: Keterujaan rakyat Malaysia untuk meraikan Hari Kebangsaan 2022 terserlah apabila lebih 100,000 orang membanjiri Dataran Merdeka seawal pukul 5 pagi semalam.

Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya sejauh lebih tiga kilometer semakin padat menjelang pukul 7 pagi sehingga hampir tiada kawasan yang kosong.

Rata-rata mereka yang hadir membawa keluarga dan anak-

anak bagi meraikan sambutan itu setelah lima tahun tidak diadakan di Dataran Merdeka.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, menyedari jumlah kehadiran yang ramai itu, pihaknya telah meletakkan sistem suara di sepanjang jalan perbarisan supaya mereka boleh mendengar dan mengetahui apa yang sedang berlaku.

“Saya sendiri pun terkejut. Bila saya sampai pukul 6.45 pagi

tadi, saya nampak semua jalan sudah penuh. Ini di luar pada jangkaan, barangkali setelah dua tahun tidak ada acara seperti ini. Ini cukup membanggakan,” katanya selepas tamat program Sambutan Hari Kebangsaan di Dataran Merdeka, semalam.

Dalam masa yang sama, Annuar sangat puas hati dengan sambutan semalam dengan menyifatkan ‘hampir sempurna’ dengan apa yang dirancang.